From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 14 April, 2022 2:55:24 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Penyelidik UUM Berjaya Komersialkan Produk Aplikasi Penghantaran

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 APRIL 2022 / 12 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Afnan Abdul Khoni
Gambar oleh: ICC

PENYELIDIK UUM BERJAYA KOMERSIALKAN PRODUK APLIKASI PENGHANTARAN



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) terus menghasilkan produk inovasi yang boleh memanfaatkan masyarakat. Terkini, merupakan produk *Basic Source Code for Delivery Mobile Apps* yang telah berjaya dikomersialkan.

Produk ciptaan pensyarah Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC), Prof. Madya Dr. Shahrul Azmi Mohd Yusof itu dibangunkan untuk membantu perniagaan penghantaran barangan secara dalam talian.

Shahrul Azmi berkata, sebelum aplikasi tersebut berjaya dikomersialkan, beliau perlu melaksanakan pitching dan rundingan perniagaan dengan syarikat Tut Tut Delivery Sdn Bhd sehingga tercapai persetujuan untuk membeli produk yang dibangunkan itu.

“Saya gembira kerana telah berjaya mengkomersialkan produk Basic Source Code for Delivery Mobile Apps ini kepada syarikat Bumiputera yang beroperasi di Alor Setar.

“Kejayaan saya ini merupakan kejayaan bersama SOC terutamanya Penolong Naib Canselor UUM CAS merangkap Dekan SOC yang telah memberi sokongan kepada penyelidik di pusat pengajian dalam pengkomersialan produk ini,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC), Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Faizal Omar merakamkan ucapan tahniah kepada Shahrul Azmi di atas kejayaan beliau mengkomersialkan produk inovasi tersebut.

Menurutnya, ICC berbangga dengan kejayaan itu kerana produk ini berjaya dikomersialkan secara jualan terus ataupun *outright sales* yang mana syarikat Tut Tut Delivery Sdn Bhd bersetuju dengan harga yang ditawarkan oleh UUM.

“Kejayaan penyelidik dalam mengkomersialkan produk diharapkan dapat memberi inspirasi kepada warga UUM dalam menghasilkan produk atau servis yang berpotensi untuk dikomersialkan,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.